



Permodalan Nasional Berhad

(38219-X)



Amanah Saham Nasional Berhad


(47452-W)

Anak syarikat milik penuh PNB

LAPORAN TAHUNAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2011

MENDAPATKAN PELUANG
PELABURAN YANG MENJANA
PENDAPATAN YANG KONSISTEN
DAN BERTERUSAN DI SAMPING
MENGEKALKAN MODAL
PELABURAN PARA PEMEGANG UNIT
DI DALAM TEMPOH JANGKA
PANJANG MELALUI PORTFOLIO
PELABURAN YANG DIPELBAGAIKAN.



ISI KANDUNGAN

NO	TAJUK	MUKA SURAT
I	Maklumat Tabung	3
II	Prestasi Tabung	3
III	Laporan Pengurus	7
IV	Penyata Pengurus	12
V	Penyataan Pemegang Amanah	13
VI	Laporan Juruaudit	14
VII	Penyata Kewangan	
	A. Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	16
	B. Penyata Pendapatan Komprehensif	16
	C. Penyata Aliran Tunai	17
	D. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	18
VIII	Maklumat Korporat	32

LAPORAN PENGURUS AMANAH SAHAM 1MALAYSIA (AS 1Malaysia)

Para pemegang-pemegang unit AS 1Malaysia yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus AS 1Malaysia, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan AS 1Malaysia bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2011.

I. MAKLUMAT TABUNG

a) Kategori dan Jenis Tabung

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
Amanah Saham 1Malaysia	Ekuiti	Pendapatan

b) Objektif Pelaburan Tabung

Objektif pelaburan AS 1Malaysia adalah untuk mendapatkan peluang pelaburan yang menjana pendapatan yang konsisten dan berterusan di samping mengekalkan modal pelaburan para pemegang unit di dalam tempoh jangka panjang melalui portfolio pelaburan yang dipelbagaikan.

c) Penanda Aras Tabung

AS 1Malaysia yang diurusniagakan pada harga tetap menggunakan penanda aras Purata 5 Tahun Sekuriti Kerajaan Malaysia (Purata 5 tahun MGS).

d) Polisi Pengagihan Pendapatan Tabung

AS 1Malaysia akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

e) Pegangan Unit

Pada 30 September 2011, seramai 270,598 individu telah menyertai AS 1Malaysia. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:

Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	Bilangan Unit Dilanggan
5,000 ke bawah	156,324	122,926,825
5,001 - 10,000	25,116	160,741,478
10,001 - 50,000	59,545	1,257,135,737
50,001 - 500,000	28,718	2,766,843,977
500,001 ke atas	895	1,189,101,131
Jumlah	270,598	5,496,749,148

II. PRESTASI TABUNG

a) Perumpukan Aset Mengikut Sektor berdasarkan Nilai Aset Bersih Tabung

Sektor	Tahun Kewangan Berakhir	
	30.09.2011	30.09.2010*
Pelaburan Ekuiti Disebut Harga		
Pembinaan	2.26	1.61
Barangan Pengguna	6.63	5.07

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

a) Perumpukan Aset Mengikut Sektor berdasarkan Nilai Aset Bersih Tabung (Samb.)

Sektor	Tahun Kewangan Berakhir	
	30.09.2011	30.09.2010*
Pelaburan Ekuiti Disebut Harga (Samb.)		
Kewangan	23.77	19.33
Barangan Industri	5.03	2.51
Infrastruktur	4.66	4.05
Perladangan	6.95	8.15
Hartanah	1.37	1.40
Perdagangan / Perkhidmatan	31.47	24.46
REITs	1.21	1.07
Waran	-	0.01
Pelaburan Di Pasaran Ekuiti	83.35	67.66
Pelaburan di Pasaran Wang dan Lain-Lain Aset Bersih	16.65	32.34
Jumlah	100.00	100.00

Nota:

* Tahun kewangan berakhir pertama adalah bagi tempoh dari 5 Ogos 2009 (tarikh pelancaran) sehingga 30 September 2010.

b) Senarai Pelaburan Yang Disebut Harga Pada 30 September 2011

Syarikat	Kos sebagai peratusan atas NAB pada kos (%)	Nilai pasaran sebagai peratusan atas NAB pada nilai pasaran (%)
Pembinaan		
Gamuda Berhad	1.98	1.58
IJM Corporation Berhad	0.54	0.46
Eversendai Corporation Berhad	0.16	0.15
WCT Berhad	0.10	0.07
	2.78	2.26
Barangan Pengguna		
British America Tobacco (Malaysia) Berhad	0.72	0.73
Dutch Lady Milk Industries (Malaysia) Berhad	0.24	0.27
Fraser & Neave Holdings Berhad	0.89	1.21
MSM Malaysia Holdings Berhad	0.12	0.17
Padini Holdings Berhad	0.06	0.06
PPB Group Berhad	2.11	2.15
Proton Holdings Berhad	0.18	0.18
UMW Holdings Berhad	1.73	1.86
	6.05	6.63

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

b) Senarai Pelaburan Yang Disebut Harga Pada 30 September 2011(Samb.)

Syarikat	Kos sebagai peratusan atas NAB pada kos (%)	Nilai pasaran sebagai peratusan atas NAB pada nilai pasaran (%)
Kewangan		
AMMB Holdings Berhad	2.94	2.95
CIMB Group Holdings Berhad	4.04	3.52
Hong Leong Bank Berhad	0.72	0.58
Malayan Banking Berhad	10.09	10.33
Public Bank Berhad – Foreign Shares	3.30	3.31
Public Bank Berhad	1.09	1.35
RHB Capital Berhad	2.07	1.73
	24.25	23.77
Barangan Industri		
Petronas Chemical Group Berhad	2.70	2.21
Petronas Gas Berhad	1.88	2.38
Shell Refining Company (Federation of Malaya) Berhad	0.48	0.44
	5.06	5.03
Infrastruktur		
DiGi.Com Berhad	1.36	1.96
Lingkar Trans Kota Holdings Berhad	0.69	0.78
YTL Power International Berhad	2.44	1.92
	4.49	4.66
Peladangan		
IOI Corporation Berhad	4.61	4.18
Kuala Lumpur Kepong Berhad	2.41	2.77
	7.02	6.95
Hartanah		
IJM Land Berhad	0.60	0.43
SP Setia Berhad	0.69	0.86
UOA Development Berhad	0.16	0.08
	1.45	1.37
REITs		
Axis Real Estate Investment Trust Berhad	0.43	0.54
Capitamalls Malaysia Trust	0.32	0.41
Sunway Real Estate Investment Trust	0.21	0.26
	0.96	1.21
Perdagangan / Perkhidmatan		
Air Asia Berhad	0.10	0.11
Axiata Group Berhad	0.67	0.77
Bumi Armada Berhad	0.45	0.51
Dialog Group Berhad	0.14	0.33
Malaysia Airport Holdings Berhad	1.29	1.29

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

b) Senarai Pelaburan Yang Disebut Harga Pada 30 September 2011(Samb.)

Syarikat	Kos sebagai peratusan atas NAB pada kos (%)	Nilai pasaran sebagai peratusan atas NAB pada nilai pasaran (%)
Perdagangan / Perkhidmatan (Samb.)		
Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad	0.34	0.50
Maxis Berhad	5.15	5.34
MISC Berhad	3.31	2.39
MMC Corporation Berhad	0.60	0.58
Petronas Dagangan Berhad	0.48	0.88
Plus Expressways Berhad	2.00	2.38
Sime Darby Berhad	11.64	11.49
Shin Yang Shipping Corporation Berhad	0.03	0.03
Tenaga Nasional Berhad	4.55	3.58
Telekom Malaysia Berhad	1.02	1.29
	31.77	31.47
Jumlah pelaburan di pasaran ekuiti	83.83	83.35
Pelaburan di Pasaran Wang dan Lain-lain Aset Bersih	16.17	16.65
Jumlah	100.00	100.00

c) Perbandingan Maklumat Kewangan

	Bagi Tahun Kewangan Berakhir	
	30.09.2011	30.09.2010 ³
Unit Dalam Edaran (Juta)	5,502	4,030
Kadar Pengagihan (sen seunit)	6.50	6.38
Jumlah Pengagihan (RM juta)	308.40	203.02
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 Oktober	1 Oktober
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	1.03	1.20
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.53	1.09

Nota:

- Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata harian nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan.*
- Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata harian nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan. Perubahan antara NPGP pada 30 September 2011 dan 30 September 2010 adalah ketara disebabkan penurunan jumlah transaksi pelaburan berbanding peningkatan dalam purata harian nilai Unit Amanah.*
- Tahun kewangan berakhir pertama adalah bagi tempoh dari 5 Ogos 2009 (tarikh pelancaran) sehingga 30 September 2010.*

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

d) Purata Pulangan Tahunan

Purata pulangan tahunan bagi AS 1Malaysia adalah seperti berikut:

	Pada 30 September 2011		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) ¹	6.50	T.B.	T.B.
Purata 5 tahun MGS (%)	3.47	T.B.	T.B.

Nota:

- 1 tahun ialah pengagihan pendapatan bagi tahun tersebut.
- T.B. – Tidak Berkaitan.

III. LAPORAN PENGURUS

a) Prestasi Tabung AS 1Malaysia

AS 1Malaysia telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pengagihan pendapatan yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit, bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2011.

b) Perbandingan Prestasi Pulangan Tahunan Tabung Dengan Penanda Aras

Pulangan	Bagi Tahun Kewangan Berakhir	
	30.09.2011	30.09.2010*
Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	6.50	6.38
Purata 5 tahun MGS (%)	3.47	3.64

Nota:

- * Tahun kewangan berakhir pertama adalah bagi tempoh dari 5 Ogos 2009 (tarikh pelancaran) sehingga 30 September 2010.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan jika dibayar, mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

c) Polisi Pelaburan

Polisi pelaburan AS 1Malaysia adalah melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terdiri daripada sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia atau yang disenaraikan di bursa-bursa luar negara yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap dan pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Suratikatan AS 1Malaysia.

Tabung AS 1Malaysia juga turut melabur dalam sekuriti pendapatan tetap yang diberi penarafan sekurang-kurangnya “BBB” oleh RAM Holdings Berhad (RAM) atau Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) bagi terbitan domestik, atau agensi piawaian antarabangsa seperti Moody atau Standard & Poor’s bagi terbitan antarabangsa.

d) Strategi Pelaburan

Bagi tempoh berakhir 30 September 2011, pihak pengurusan pelaburan AS 1Malaysia telah mengekalkan strategi untuk memberi tumpuan yang lebih kepada pelaburan dalam ekuiti berbanding pelaburan di dalam instrumen

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

d) Strategi Pelaburan (Samb.)

berpendapatan tetap atau instrumen pasaran kewangan. Berdasarkan keadaan semasa ekonomi dan juga pasaran modal global dan tempatan, pelaburan di dalam ekuiti tersebut dijangka akan memberikan pulangan yang lebih tinggi dari segi jumlah pulangan dividen dan keuntungan modal, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

Bagi pelaburan di dalam ekuiti, pengurusan pelaburan AS 1Malaysia telah meningkatkan perumpukan pelaburan di dalam sektor-sektor seperti kewangan, perladangan dan pembinaan yang dijangkakan dapat memberi pulangan modal dan dividen yang lebih baik daripada penanda aras berdasarkan prospek pertumbuhan ekonomi. Selain itu, pelaburan turut ditumpukan kepada sektor yang mempunyai prospek pulangan dividen yang tinggi terutama di dalam sektor telekomunikasi, barangan pengguna serta amanah pelaburan hartanah. Untuk pemilihan saham, antara faktor utama yang diberi penekanan adalah asas fundamental yang kukuh, prospek perniagaan yang baik dan jangkaan pulangan dividen yang tinggi.

Pengurus dana turut melabur dalam instrumen berpendapatan tetap dan instrumen pasaran kewangan untuk mempelbagaikan pelaburan disamping mengurangkan risiko portfolio. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap menumpukan kepada pelaburan yang mempunyai tidak kurang daripada taraf 'A' yang diberikan oleh RAM atau setaraf dengannya yang diberikan oleh agensi penarafan di Malaysia.

Bagi mengekalkan keupayaan Tabung untuk memberikan pengagihan pendapatan yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang unit, pihak pengurusan sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala atau mengikut keperluan semasa. Ini dilakukan dengan mengambil kira keadaan semasa ekonomi dan juga persekitaran pelaburan global dan tempatan yang sentiasa berubah.

e) Ulasan Pasaran

Tinjauan Pasaran Modal

Bagi tempoh berakhir 30 September 2011, penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan penurunan sebanyak 76.37 mata atau 5.22% untuk ditutup pada 1,387.13 mata, berbanding 1,463.50 mata yang dicatatkan pada 30 September 2010. Bagi tempoh yang sama, FBM KLCI telah mencatat paras tertinggi 1,594.49 mata pada 8 Julai 2011, manakala paras terendah 1,331.80 mata dicatatkan pada 26 September 2011.

Tahun kewangan 2011 telah bermula dengan positif menyaksikan FBM KLCI naik mendadak hingga paras tertinggi 1,574.49 mata pada 17 Januari 2011. Peningkatan ini adalah selaras dengan peningkatan pasaran ekuiti serantau, disebabkan kecairan pasaran yang tinggi akibat daripada aliran masuk portfolio pelaburan asing yang besar. Keyakinan pelabur ini disokong oleh proses pemulihan ekonomi Malaysia yang berterusan terutama melalui pengumuman Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP) dan pengumuman pelaksanaan 19 projek yang bernilai RM67 bilion, yang telah menaikkan minat belian terutamanya bagi kaunter-kaunter berkaitan sektor gas dan minyak, pembinaan dan hartanah.

Namun begitu, pasaran ekuiti di rantau Asia termasuk Malaysia mula lemah pada penghujung Januari 2011, didorong oleh sentimen negatif inflasi global

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

e) Ulasan Pasaran (Samb.)

Tinjauan Pasaran Modal (Samb.)

akibat dari kenaikan harga makanan dan komoditi utama dunia. Kadar inflasi di Malaysia telah meningkat kepada 2.4% pada Januari 2011 mengikut asas tahunan berbanding 1.7% untuk keseluruhan tahun 2010. Kebimbangan pelabur terhadap prospek perkembangan ekonomi global juga semakin bertambah akibat daripada pergolakan politik di kawasan Timur Tengah serta Afrika Utara dan kejadian gempa bumi serta krisis loji tenaga nuklear yang melanda bahagian pantai timur Jepun pada 11 Mac 2011. Keadaan pasaran kewangan antarabangsa juga semakin merosot didalangi isu-isu fiskal di Amerika Syarikat dan kawasan Eropah, serta krisis hutang kerajaan di Eropah yang semakin buruk. Dalam persekitaran ini, FBM KLCI telah mengalami penurunan sebanyak -90.35 mata atau 5.74% dari paras tertinggi yang dicatatkan pada 1,574.74 mata dan mencatat paras terendah 1,484.14 pada 15 Mac 2011.

Separuh kedua tahun kewangan 2011 pula menyaksikan pasaran ekuiti semula dengan agak baik dengan FBM KLCI mencapai paras tertinggi pada 1,594.74 mata pada 8 Julai 2011. Walaubagaimanapun, kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan dan kewangan global timbul semula apabila Standard & Poor's telah menurunkan penarafan kredit kerajaan (sovereign credit rating) Amerika Syarikat (AS) diikuti dengan negara Itali, selepas pengumuman kumpulan data baru ekonomi yang lemah. Ini diikuti dengan amaran dari ketua Suruhanjaya Eropah bahawa krisis hutang kawasan Eropah berkemungkinan merebak ke ekonomi lain. Ini telah mencetuskan aktiviti penjualan besar-besaran terhadap pasaran ekuiti global dan pasaran Malaysia tidak terkecuali bilamana FBM KLCI telah jatuh mendadak dan merekodkan paras terendah pada 1,331.80 mata pada 26 September 2011.

Pada 30 September 2011, ringgit juga menyusut nilai berbanding dolar AS untuk ditutup pada RM3.1890 atau penyusutan sebanyak 3.19%, berbanding RM3.0874 pada 30 September 2010. Penyusutan nilai ringgit adalah sejajar dengan trend serantau, mencerminkan kegiatan penghindaran risiko pada peringkat global yang semakin ketara sejak bulan Ogos. Seajar dengan prestasi FBM KLCI, kesemua indeks sektor utama dalam pasaran saham juga telah mencatatkan penurunan. Sektor-sektor utama dalam Bursa Malaysia seperti sektor kewangan mencatatkan penurunan indeks sebanyak 694.30 mata atau -5.20% manakala sektor yang paling teruk terjejas adalah sektor pembinaan yang mencatatkan penurunan indeks sebanyak 46.82 mata atau -17.85%. Kaunter-kaunter utama indeks yang mencatatkan penurunan ketara adalah seperti MISC Berhad -33%, Tenaga Nasional Berhad -25%, IOI Corporation Berhad -16% dan CIMB Group Holdings Berhad -15%.

Di pasaran bon pula, permintaan berterusan daripada pelabur tempatan dan luar negara telah mengukuhkan pasaran. Pegangan asing dalam sekuriti hutang Malaysia meningkat ke RM186 bilion pada bulan Ogos 2011 berbanding RM121 bilion pada bulan Disember 2010. Perkembangan asas ekonomi yang teguh dan konsisten adalah antara faktor yang menarik pelabur asing. Memandangkan krisis perbankan dan ekonomi yang tidak menentu berlanjutan di sekitar Eropah dan Amerika, dana portfolio asing terus mengalir ke rantau Asia, termasuk Malaysia sebagai sebahagian daripada strategi kepelbagaian untuk mengurangkan risiko pelaburan mereka. Oleh yang demikian, rizab luar

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

e) Ulasan Pasaran (Samb.)

Tinjauan Pasaran Modal (Samb.)

negara meningkat sebanyak USD31 bilion kepada USD131 bilion pada 30 September 2011, didorong sebahagiannya oleh kemasukan dana asing yang berterusan (30 September, 2010:USD100.7 bilion) dan tahap kecairan semasa. Di pasaran wang domestik pula, pihak Bank Negara Malaysia (BNM) telah menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 3.00% daripada 2.75% dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari bulan Mei 2011.

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal

Secara umumnya, ekonomi dunia dijangka akan mencatatkan pertumbuhan global yang sederhana sebanyak 4.0% untuk keseluruhan tahun 2011, berbanding dengan 5.1% pada tahun 2010. Ekonomi negara-negara membangun dijangka akan mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi pada kadar 6.6%, berbanding dengan pertumbuhan ekonomi negara-negara maju pada kadar 1.6% bagi tahun 2011. Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka akan diterajui oleh negara-negara membangun seperti China dan India yang diunjurkan akan mencatat pertumbuhan sebanyak 9.5% dan 7.8% bagi tahun 2011 (Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, September 2011).

Ekonomi Malaysia telah mencatat pertumbuhan sebanyak 4.4% pada separuh tahun pertama 2011, didorong oleh pertumbuhan ekonomi domestik yang kukuh. Momentum pertumbuhan ini dijangka akan meningkat pada separuh tahun kedua 2011, didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan juga pertumbuhan ekonomi yang dijana melalui projek-projek dalam ETP. Sehubungan dengan itu, pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk keseluruhan tahun 2011 diunjurkan akan berkembang antara 5% dan 5.5%, dan antara 5% dan 6% bagi tahun 2012 (Sumber: Ucapan Bajet 2012, Oktober 2011).

Langkah kerajaan mengumumkan beberapa inisiatif baru termasuk ETP turut meningkatkan keyakinan pelabur untuk jangka masa panjang. Inisiatif ini bakal menyaksikan Malaysia mencapai kedudukan sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Tumpuan turut diberikan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Areas atau NKEA) yang dijangka akan memberikan kesan positif yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pada tahun 2012, prospek ekonomi global dijangka akan lebih mencabar. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi dunia daripada 4.5% sebelum ini kepada 4.0% bagi tahun 2012. Penurunan unjuran pertumbuhan ini adalah disebabkan oleh beberapa risiko yang mampu memberi cabaran terhadap pertumbuhan ekonomi dunia, antaranya kelembapan pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun, kadar inflasi yang terus meningkat akibat kenaikan harga komoditi, krisis hutang yang melanda beberapa buah negara di Eropah seperti Greece dan Portugal serta kelembapan perdagangan global. Perkembangan global ini sudah tentu akan mempunyai kesan langsung terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Bagi pasaran bon pula, berlatarbelakangkan prospek pertumbuhan global yang lembap dan pengunjuran tekanan inflasi, kadar hasil bon akan terus berada di tahap rendah dan stabil sejajar dengan OPR. Ia akan disokong oleh dasar kewangan yang akomodatif, permintaan yang kukuh dan kecairan mudah tunai

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

e) Ulasan Pasaran (Samb.)

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal (Samb.)

yang mencukupi dalam pasaran kewangan Malaysia. Penghijrahan modal asing dan kegiatan penghindaran risiko ke negara-negara membangun seperti Malaysia juga akan memberikan sokongan untuk pasaran bon tempatan. Walaupun negara-negara ekonomi membangun tidak terkecuali dari impak masalah ekonomi negara maju, kedudukan ekonomi Malaysia yang lebih baik untuk pertumbuhan, dengan kadar inflasi yang menurun dan potensi untuk perbelanjaan domestik yang lebih kukuh, dapat menangani impak negatif ekonomi luar. Dari segi penawaran, persekitaran kadar faedah semasa yang rendah amat kondusif bagi penerbit untuk memanfaatkan pasaran modal bagi tujuan pendanaan. Di pasaran wang domestik pula, dengan prospek pertumbuhan global yang sangat tidak menentu, BNM dijangka akan mengekalkan OPR pada paras semasa.

Persekitaran ekonomi dan kewangan antarabangsa yang tidak menentu dijangka akan menyebabkan pasaran ekuiti tempatan berada pada tahap kemaruahan yang tinggi memandangkan para pelabur akan meneliti setiap perkembangan semasa dan mengambil sikap berhati-hati. Berdasarkan perkembangan ini, pihak pengurus pelaburan AS 1 Malaysia akan terus mengimbangi strategi perumpukan dan pemilihan aset dari semasa ke semasa, seiring dengan risiko yang diambil.

f) Pengagihan Pendapatan

Sumber Pendapatan	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30.09.2011 (RM Juta)	Bagi Tahun Kewangan Berakhir * 30.09.2010 (RM Juta)
Dividen kasar dari saham disebut harga	159.71	105.01
Keuntungan bersih ternyata daripada jualan pelaburan	205.85	165.47
Lain-lain Pendapatan	48.25	30.10
Jumlah Pendapatan	413.81	300.58

Nota:

- * Tahun kewangan Berakhir bagi tempoh dari 5 Ogos 2009 (tarikh pelancaran) sehingga 30 September 2010.

g) Perubahan Yang Ketara Terhadap Kedudukan Tabung Dalam Tempoh Kewangan

Tiada sebarang perubahan yang ketara sepanjang tempoh kewangan berakhir 30 September 2011.

h) Situasi yang Boleh Menjejaskan Kepentingan Pemegang Unit

ASNB dan AS 1 Malaysia tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

i) Komisyen Ringan

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urus niaga berhubung dengan urus niaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

AMANAH SAHAM 1MALAYSIA PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit
AMANAH SAHAM 1MALAYSIA

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM 1MALAYSIA (“Unit Amanah”), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 30 September 2011, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambilkira pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 September 2011, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM 1MALAYSIA, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 15 November 2011.

**TUN AHMAD SARJI BIN
ABDUL HAMID**
Pengerusi

**TAN SRI DATO’ SRI HAMAD KAMA PIAH
BIN CHE OTHMAN**
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

**AMANAHAH SAHAM 1MALAYSIA
PENYATAAN PEMEGANG AMANAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2011**

Kepada Pemegang-pemegang Unit
AMANAHAH SAHAM 1MALAYSIA

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAHAH SAHAM 1MALAYSIA bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2011. Pada pendapat kami, AMANAHAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus, telah mengurus AMANAHAH SAHAM 1MALAYSIA selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAHAH SAHAM 1MALAYSIA bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2011.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit AMANAHAH SAHAM 1MALAYSIA adalah mencukupi dan penilaian/penentuan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) penjadian unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAHAH SAHAM 1MALAYSIA sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan AMANAHAH SAHAM 1MALAYSIA.

Yang benar,
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
17 November 2011

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMENGANG UNIT AMANAH SAHAM 1MALAYSIA

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Amanah Saham 1Malaysia (“Unit Amanah”), yang mengandungi Penyata Posisi Kewangan pada 30 September 2011, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Pendapatan Komprehensif, dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 16 hingga 28.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan

Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standards - FRSS) di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan memastikan kawalan dalaman yang bersesuaian berkaitan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama yang bebas dari salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan; memilih dan mengguna dasar perakaunan yang bersesuaian; dan dalam keadaan tertentu membuat anggaran perakaunan yang munasabah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk membolehkan pembentangan penyata kewangan yang saksama.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi tuntutan etika serta merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas dari pada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian ke atas risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbahit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk Unit Amanah dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan persembahan yang saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan perakaunan yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM 1MALAYSIA (SAMB.)

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 September 2011 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Lain-lain perkara

Laporan ini disediakan hanya untuk pemegang-pemegang unit Unit Amanah, sebagai sebuah badan dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Hanafiah Raslan & Mohamad
AF: 0002
Akauntan Bertauliah

Ahmad Zahirudin Abdul Rahim
No. 2607/12/12(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2011**

	01.10.2010 hingga 30.09.2011 RM	05.08.2009 hingga 30.09.2010 RM
PENDAPATAN		
Pendapatan faedah	48,251,218	30,096,395
Pendapatan dividen	159,710,830	105,010,097
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	<u>205,850,331</u>	<u>165,470,976</u>
	<u>413,812,379</u>	<u>300,577,468</u>
PERBELANJAAN		
Yuran pengurusan	5 50,938,446	39,136,563
Yuran pemegang amanah	6 800,000	924,932
Ganjaran juruaudit	20,000	20,000
Perbelanjaan pentadbiran	447,186	420,540
Rosot nilai dalam pelaburan disebut harga	<u>7,548,885</u>	<u>-</u>
	<u>59,754,517</u>	<u>40,502,035</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI	354,057,862	260,075,433
CUKAI	7 -	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	<u>354,057,862</u>	<u>260,075,433</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:		
Ternyata	<u>354,057,862</u>	<u>260,075,433</u>
Tidak ternyata	<u>-</u>	<u>-</u>
	<u>354,057,862</u>	<u>260,075,433</u>
Pengagihan pelaburan	8 308,400,507	203,024,015
Pengagihan kasar dan bersih seunit	<u>6.50 sen</u>	<u>6.38 sen</u>
Tarikh pengagihan	<u>1 Oktober 2011</u>	<u>1 Oktober 2010</u>

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2011**

	01.10.2010 hingga 30.09.2011 RM	05.08.2009 hingga 30.09.2010 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	<u>354,057,862</u>	<u>260,075,433</u>
Lain-lain pendapatan komprehensif	<u>-</u>	<u>-</u>
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN/TEMPOH	<u>354,057,862</u>	<u>260,075,433</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2011**

	01.10.2010 hingga 30.09.2011 RM	05.08.2009 hingga 30.09.2010 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	1,910,407,449	2,430,611,964
Pembelian pelaburan	(3,816,764,278)	(4,867,627,556)
Faedah diterima	50,915,740	24,459,597
Dividen diterima	137,763,622	82,908,659
Yuran pengurusan dibayar	(50,938,446)	(39,136,563)
Yuran pemegang amanah dibayar	(800,000)	(924,932)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(362,094)	(20,126)
Tunai bersih dihasilkan/(digunakan) daripada aktiviti operasi dan pelaburan	<u>(1,769,778,007)</u>	<u>(2,369,728,957)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada penjadian unit	1,472,000,000	4,030,000,000
Pengagihan dibayar	(203,024,015)	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>1,268,975,985</u>	<u>4,030,000,000</u>
PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
	(500,802,022)	1,660,271,043
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN/TEMPOH		
	<u>1,660,271,043</u>	-
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN/TEMPOH		
	<u>1,159,469,021</u>	<u>1,660,271,043</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	5,985	5,985
Deposit dengan institusi kewangan	1,159,463,036	1,660,265,058
	<u>1,159,469,021</u>	<u>1,660,271,043</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

AMANAH SAHAM 1MALAYSIA

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN

30 SEPTEMBER 2011

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM 1MALAYSIA (berikutnya dirujuk sebagai “Unit Amanah”) ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 25 Jun 2009, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad serta Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam “Pelaburan Dibenarkan” seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7.1 Suratikatan. “Pelaburan Dibenarkan” termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 5 Ogos 2009, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12.3 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad (“PNB”). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 29 Jun 2009.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 15 November 2011.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar faedah dan kredit timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

Risiko Ekuiti/Pelaburan (Samb.)

kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan yang teliti bagi prestasi syarikat-syarikat yang di labur.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Kecairan/Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana terjadi apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi. Sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkauan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah, kecuali yang seperti mana dinyatakan didalam dasar-dasar perakaunan di bawah dan menurut Piawaian Laporan Kewangan (Financial Reporting Standards - FRSS) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia.

(b) Pindaan pada Dasar-Dasar Perakaunan

Dasar-dasar perakaunan yang dipakai adalah konsisten dengan dasar-dasar perakaunan yang telah dipakai pada tahun lepas, kecuali adaptasi 'FRSS' yang baru dan telah diolah dan 'IC Interpretations' yang efektif untuk tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dibincangkan di bawah, lain-lain 'FRSS' yang baru dan telah diolah dan 'IC Interpretations' tidak memberi apa-apa impak yang signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

FRS 8 Operating Segments

FRS 8 yang menggantikan FRS114 Segment Reporting, memerlukan pendedahan informasi mengenai operasi segmen, berdasarkan informasi berkenaan komponen-komponen berkaitan dengan entiti yang tersedia untuk ketua operasi membuat keputusan bagi tujuan pembahagian sumber kepada segmen dan menganalisa prestasi segmen, menggantikan pendedahan informasi oleh Unit Amanah berdasarkan pendedahan primer (perniagaan) dan sekunder (lokasi).

Bagi tujuan pengurusan, Unit Amanah ini diuruskan secara satu bahagian primer, iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan-keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

FRS 101 Presentation of Financial Statements (Revised)

FRS 101 yang telah diolah memperkenalkan perubahan kepada persembahan dan pendedahan dalam penyata kewangan. Dasar perakaunan yang telah diolah mengasingkan perubahan dalam ekuiti berkaitan dengan pemilik dan bukan pemilik. Penyata perubahan dalam ekuiti hanya mempersembahkan transaksi-transaksi berkaitan dengan pemilik, dan perubahan dalam ekuiti berkaitan dengan bukan pemilik dipersembahkan sebagai satu kenyataan yang lain. Dasar perakaunan yang telah diolah juga memperkenalkan penyata pendapatan komprehensif, yang mana semua item berkaitan pendapatan dan perbelanjaan dinyatakan di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan, bersama dengan semua item pendapatan dan perbelanjaan yang lain yang diakui di dalam ekuiti, sama ada di dalam satu penyata yang sama, atau di dalam dua penyata berasingan yang dikaitkan. Unit Amanah ini telah memilih untuk mempersembahkan penyata ini di dalam dua penyata berasingan.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(b) Pindaan pada Dasar-Dasar Perakaunan (Samb.)

Sebagai tambahan, penyata posisi kewangan awal tahun kewangan terdahulu yang terawal adalah diperlukan ekoran daripada perubahan dalam dasar perakaunan, pembetulan kesalahan atau klasifikasi item-item di dalam penyata kewangan.

Unit Amanah telah menggunakan FRS101 baru dari mula.

Amendments to FRS 132 Financial Instruments: Presentation and FRS 101 Presentation of Financial Statements - Puttable Financial Instruments and Obligations Arising on Liquidation

Perubahan kepada FRS 132 dan FRS 101 menjadi efektif pada tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Perubahan kepada FRS 132 memerlukan entiti untuk mengklasifikasikan instrumen kewangan “puttable” sebagai ekuiti jika instrumen tersebut mempunyai kriteria-kriteria tertentu dan memenuhi ciri-ciri yang spesifik. Perubahan kepada FRS 101 memerlukan pendedahan informasi tertentu berkaitan instrumen “puttable” yang diklasifikasikan sebagai ekuiti. Nilai ekuiti melambangkan nilai aset bersih (“NAB”).

Modal Pemegang unit mempunyai ciri-ciri dan memenuhi kriteria-kriteria untuk diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti. Justeru itu, apabila Amendments to FRS 132 diguna-pakai, modal pemegang unit bagi Skim Amanah Saham 1Malaysia berjumlah RM5,502,000,000 (30 September 2010: RM4,030,000,000) telah diklasifikasikan semula daripada liabiliti kewangan kepada ekuiti. Pengagihan yang dibuat oleh Unit Amanah, jika ada, adalah dinyatakan sebagai dividen di dalam ekuiti di dalam tempoh yang mana ia diumumkan.

FRS 139 Financial Instruments: Recognition and Measurement and FRS 7 Financial Instruments: Disclosure

Unit Amanah adalah dikecualikan daripada mendedahkan kemungkinan kesan, jika ada, kepada penyata kewangan apabila penggunaan applikasi FRS 7 dan FRS 139 disebabkan pengecualian seperti yang terkandung dalam FRS 7 dan FRS 139.

(c) Piawaian Yang Diterbitkan tetapi Masih Tidak Berkuatkuasa

FRS yang baru dan diolah semula dan ‘IC Interpretations’ yang telah diterbitkan tetapi masih belum dikuatkuasakan untuk tempoh tahun kewangan berakhir pada 30 September 2011 dijangka tidak mempunyai kesan yang signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah apabila ianya diguna-pakai.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(d) Pelaburan

(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan dimana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Premium atau diskaun dilunaskan atau diakreasi ke atas baki jangkamasa sekuriti dari tarikh perolehan. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(ii) Saham Disebut Harga, Waran dan Pelaburan Amanah Hartanah (“REIT’s”)

Pelaburan dalam saham disebut harga, waran dan REITs dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajaran. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diktirafkan di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(iii) Instrumen Pasaran Kewangan

Pelaburan dalam kertas komersial dinyatakan menurut harga kos diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun ke atas nilai par pada waktu perolehan, tolak sebarang kerugian rosot nilai yang kekal. Premium atau diskaun dilunaskan atau diakreasi ke atas baki jangkamasa sekuriti dari tarikh perolehan. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(iv) Deposit dengan Institusi Kewangan

Deposit dengan Institusi Kewangan adalah dinyatakan pada kos.

(e) Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

(f) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima adalah dinyatakan pada nilai yang boleh diperolehi.

(g) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(h) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada saham disebut harga, diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(h) Pengiktirafan Pendapatan (Samb.)

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa.

Pendapatan daripada sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, pelaburan modal bercantum, instrumen pasaran kewangan dan simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akrual menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

(i) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan instrumen pasaran modal di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(j) Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan di dalam penyata aset dan liabiliti adalah merangkumi tunai di bank, pelaburan disebut harga, pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, instrumen pasaran kewangan, deposit dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan

Penilaian dibuat oleh pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurus pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan diantara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.
- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya, Bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

5. YURAN PENGURUSAN

Klausula 13.1, Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih (“NAB”) boleh agih kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Lembaga Pengarah ASNB pada 3 Ogos 2011 meluluskan resolusi untuk mengeneipkan yuran pengurusan dikenakan bagi tahun berakhir 30 September 2011 sebanyak 0.5% setahun kepada 1% setahun (2010:1% setahun) daripada Nilai Aset Bersih (“NAB”).

6. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausula 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran sehingga 0.08% setahun daripada Nilai Aset Bersih (“NAB”) boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, tertakluk kepada minimum RM18,000 setahun, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 30 September 2011 adalah sebanyak RM800,000 (5 Ogos 2009 hingga 30 September 2010: RM924,932).

7. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidang kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari tahun taksiran 2006 hingga 2016.

7. CUKAI (SAMB.)

Tuntutan cukai merupakan cukai yang ditolak daripada punca atas pendapatan dividen yang diperolehi di Malaysia dan akan dituntut daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Akta cukai Pendapatan 1967 telah dipinda pada 28 Disember 2007 bagi memperkenalkan sistem cukai korporat “single-tier” bermula dari tahun taksiran 2008. Menurut sistem cukai korporat “single-tier”, pengagihan dividen kepada pemegang-pemegang saham adalah dikecualikan daripada cukai.

Walaupun bagaimanapun, akan terdapat tempoh peralihan selama enam tahun (tahun taksiran 2008 ke 31 Disember 2013) bagi membolehkan syarikat-syarikat yang mana memenuhi syarat-syarat tertentu, untuk meneruskan pembayaran dividen mengikut sistem imputasi terhad (peralihan). Dividen-dividen dibayar dalam sistem imputasi terhad (peralihan) tertakluk kepada cukai ditangan pemegang-pemegang saham. Pemegang-pemegang saham boleh menuntut cukai yang ditolak daripada sumber pembayaran dividen sebagai kredit cukai.

Syarikat-syarikat yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi membuat bayaran dividen mengikut sistem imputasi terhad (peralihan) diperlukan membuat bayaran dividen mengikut sistem cukai “single-tier”. Bermula daripada 1 Januari 2014, semua syarikat akan membayar dividen mengikut sistem cukai “single-tier”.

Jangkaan kesan terhadap Unit Amanah adalah seperti berikut:

Dalam tempoh peralihan, jika Unit Amanah menerima pendapatan dividen dari syarikat-syarikat yang dilaburkan yang membayar dividen dalam sistem imputasi terhad (peralihan), Unit Amanah boleh terus membuat tuntutan bagi cukai yang ditolak daripada sumber sebagai tuntutan semula daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri, dengan syarat Unit Amanah memenuhi syarat-syarat tertentu.

Walaupun bagaimanapun, tidak akan ada kredit cukai yang boleh dituntut oleh Unit Amanah jika dividen yang diterima di dalam sistem cukai “single-tier” kerana dividen tersebut adalah dikecualikan daripada cukai dan maka dengan itu tiada cukai boleh di tolak daripada sumber pembayaran dividen.

8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	30.09.2011	30.09.2010
	RM	RM
Peruntukan bagi tahun/tempoh semasa	<u>308,400,507</u>	<u>203,024,015</u>

8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN (SAMB.)

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber berikut:

	30.09.2011	30.09.2010
	RM	RM
Pendapatan faedah dan lain-lain pendapatan	48,251,218	30,096,395
Pendapatan dividen	159,710,830	105,010,097
Keuntungan ternyata bersih daripada jualan pelaburan	<u>160,192,976</u>	<u>108,419,558</u>
	368,155,024	243,526,050
Tolak: Perbelanjaan	<u>(59,754,517)</u>	<u>(40,502,035)</u>
Jumlah pengagihan	<u>308,400,507</u>	<u>203,024,015</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit	<u>6.50 sen</u>	<u>6.38 sen</u>

Peruntukan ini merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 30 September 2011 sebanyak 6.50 sen (5 Ogos 2009 hingga 30 September 2010: 6.38 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh tahun kewangan berakhir.

9. MODAL PEMEGANG UNIT

	30.09.2011	30.09.2010
	RM	RM
Unit dibenarkan	<u>10,000,000,000</u>	<u>10,000,000,000</u>
	RM	RM
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:		
Pada awal tahun/tempoh	<u>4,030,000,000</u>	<u>-</u>
Penjadian unit untuk :		
Jualan	1,272,000,000	4,030,000,000
Pelaburan semula pengagihan	<u>200,000,000</u>	<u>-</u>
	<u>1,472,000,000</u>	<u>4,030,000,000</u>
Pada akhir tahun/tempoh	<u>5,502,000,000</u>	<u>4,030,000,000</u>

Sepanjang tahun berakhir dan pada 30 September 2011, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 30 September 2011, PNB secara sah memegang 5,250,852 (2010: 6,214,703) unit bernilai RM1 setiap satu, yang merangkumi 0.10% (2010: 0.15%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

10. KEUNTUNGAN BELUM DIAGIHKAN

	30.09.2011	30.09.2010
	RM	RM
Pada awal tahun/tempoh	57,051,418	-
Pendapatan bersih tahun/tempoh semasa	354,057,862	260,075,433
Pengagihan pendapatan	<u>(308,400,507)</u>	<u>(203,024,015)</u>
Pada akhir tahun/tempoh	<u>102,708,773</u>	<u>57,051,418</u>

11. URUSNIAGA DENGAN PNB

	30.09.2011	30.09.2010
	RM	RM
Penjualan pelaburan	<u>-</u>	<u>1,416,250,000</u>

12. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/BROKER/DEALER

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urusniaga		Yuran Broker	
	RM'000	%	RM'000	%
Hong Leong Bank Berhad*	1,494,935	8.68	-	-
Maybank Investment Bank Berhad**	1,488,554	8.64	2,618	26.47
Public Bank Berhad*	1,319,703	7.66	-	-
RHB Bank Berhad**	1,236,700	7.18	-	-
MIDF Amanah Investment Bank Berhad**	896,250	5.20	1,585	16.02
Bank Islam Malaysia Berhad*	810,020	4.70	-	-
CIMB Bank Berhad**	799,987	4.64	-	-
RHB Investment Bank Berhad**	742,795	4.31	585	5.91
Affin Bank Berhad	654,572	3.80	-	-
Affin Investment Bank Berhad	584,247	3.39	364	3.68
Lain-lain	<u>7,204,160</u>	<u>41.80</u>	<u>4,742</u>	<u>47.92</u>
	<u>17,231,923</u>	<u>100.00</u>	<u>9,894</u>	<u>100.00</u>

ASNB tidak mempunyai sebarang pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat di atas.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker berkenaan.

12. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/DEALER (SAMB.)

** PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat di atas telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

13. NISBAH PUSING GANTI PORTFOLIO

	01.10.2010 hingga 30.09.2011	05.08.2009 hingga 30.09.2010
Nisbah Pusing Ganti Portfolio ("NPGP")	<u>0.53 kali</u>	<u>1.09 kali</u>

NPGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun/tempoh kewangan, dengan purata harian nilai Unit Amanah untuk tahun/tempoh kewangan.

Purata harian nilai Unit Amanah untuk tahun/tempoh kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	01.10.2010 hingga 30.09.2011	05.08.2009 hingga 30.09.2010
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	<u>1.03%</u>	<u>1.20%</u>

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata harian nilai Unit Amanah untuk tahun/tempoh kewangan.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun/tempoh kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

15. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

ALAMAT PEJABAT-PEJABAT ASNB

KUALA LUMPUR*

ASNB Kaunter Utama
Tingkat 1, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03-2050 5500
Fax: 03-2161 8852

PUTRAJAYA*

Amanah Saham Nasional Bhd
Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya
Persiaran Perdana, Presint 3
62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel : 03-8890 4880
Fax : 03-8890 4890

PERLIS*

Amanah Saham Nasional Bhd
Lot 7, Jalan Indera Kayangan
01000 Kangar, Perlis
Tel: 04- 978 1110/978 1111/977 5702
Fax: 04-976 0800

NEGERI SEMBILAN*

Amanah Saham Nasional Bhd
36, Jalan Tunku Hassan
70000 Seremban, Negeri Sembilan
Tel: 06-762 6239/763 8546
Fax: 06-763 3384

PAHANG*

Amanah Saham Nasional Bhd
73, Tingkat Bawah
Jalan Tun Ismail
25000 Kuantan, Pahang
Tel: 09-517 8340/517 8341
Fax: 09-513 6694

MELAKA*

Amanah Saham Nasional Bhd
No. 12 & 13
Kompleks Perniagaan Al-Azim
Jalan KPAA 1, Bukit Baru
75150 Melaka
Tel: 06-282 7361/284 0690
Fax: 06-283 9940

SELANGOR*

Amanah Saham Nasional Bhd
Lot 2-1 & 2-2
Pusat Dagangan UMNO Shah Alam
Persiaran Damai Seksyen 11
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5512 1366/5510 3155
Fax: 03-5513 7155

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 7, Jalan Medan Niaga 2
Medan Niaga, Kuala Selangor
45000 Kuala Selangor, Selangor
Tel: 03-3289 4121/3281 4121
Fax: 03-3281 3221

KEDAH*

Amanah Saham Nasional Bhd
27, Kompleks Shahab Perdana
Jalan Sultanah Sambungan
05200 Alor Setar, Kedah
Tel: 04-731 0770/731 1012/733 4603
Fax: 04-731 4140

JOHOR*

Amanah Saham Nasional Bhd
49, Bangunan Tabung Haji
Jalan Segget, 80000 Johor Bahru, Johor
Tel: 07-224 0077/227 2277
Fax: 07-223 2533

Amanah Saham Nasional Bhd
12, Jalan Maju, Taman Maju
83000 Batu Pahat, Johor
Tel: 07-433 1709/700/701
Fax: 07-4331 712

TERENGGANU*

Amanah Saham Nasional Bhd
No 15, Jalan Batas Baru
20300 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel: 09-630 1500/630 1501
Fax: 09-630 1506

PULAU PINANG*

Amanah Saham Nasional Bhd
No. 2777, Jalan Chain Ferry
Taman Inderawasih
13600 Perai, Pulau Pinang
Tel: 04-399 4378/399 4381
Fax: 04-399 4404

ALAMAT PEJABAT-PEJABAT ASNB

PULAU PINANG*

Amanah Saham Nasional Berhad*
A-12A-1, Lorong Bayan Indah 4
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-640 6522/640 6523
Fax: 04-640 6520

PERAK*

Amanah Saham Nasional Bhd
No.8 & 8A, Persiaran Greentown 1
Greentown Business Centre
30450 Ipoh, Perak
Tel: 05-255 5500/255 5505
Fax: 05-255 5506

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 273, Jalan Intan 12
Bandar Baru Teluk Intan
36000 Teluk Intan, Perak
Tel: 05-621 5153/621 5163
Fax: 05-621 5150

KELANTAN*

Amanah Saham Nasional Bhd
2983-V, Jalan Parit Dalam
15000 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-741 9900/741 9909
Fax: 09-744 6663

SABAH*

Amanah Saham Nasional Bhd*
Tkt Bawah & 1, Blok G Lot 55
Asiacity Phase 1B
Peti Surat 12149
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-257 725/241 011
Fax: 088-218 814

Amanah Saham Nasional Bhd
TB 4287 & TB 4280
Tkt Bawah & 1 Town Ext II
Jalan Masjid Kompleks Fajar
91000 Tawau, Sabah
Tel: 089-779 389/779 390/779 391
Fax: 089-776 600

Amanah Saham Nasional Bhd*
Lot 15, Tingkat Bawah
Bandar Pasaraya Fasa 1
90000 Sandakan, Sabah
Tel: 089-210486/223530
Fax: 089-210597

SARAWAK*

Amanah Saham Nasional Bhd*
Tingkat Bawah & 1
Lot 335, Seksyen 9, KTLTD
Jalan Rubber
93400 Kuching, Sarawak
Tel: 082-250 389/410 210
Fax: 082-250 313

Amanah Saham Nasional Bhd*
Lot 886, Block 9
MCLD Miri Waterfront
Commercial Centre
98000 Miri, Sarawak
Tel: 085-423 746/419 984
Fax: 085-423 384

Amanah Saham Nasional Bhd*
4C, Ground Floor
Lot 832 Jalan Sabu
95000 Sri Aman, Sarawak
Tel: 083-321 742
Fax: 083-323 233

Amanah Saham Nasional Bhd*
Lot 1007 & 1008
Jalan Kampung Nyabor
96000 Sibul, Sarawak
Tel: 084-314 967
Fax: 084-322 497

Amanah Saham Nasional Bhd*
58, Bintulu Town
BDA/Shahida Commercial Centre
97008 Bintulu, Sarawak
Tel: 086-317 461/468
Fax: 086-317 485

Pihak ASNB kini dalam proses menaiktaraf sistem ASNB di mana butir peribadi pemegang unit akan disatukan bagi semua unit amanah yang telah didaftarkan. Kami memohon kerjasama tuan/puan untuk mengemaskini maklumat-maklumat dibawah bagi melancarkan inisiatif ini. ☒

BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PEMEGANG UNIT

1. Jenis Akaun Dewasa Remaja/Bijak

2. Maklumat Pemegang Unit

Nama : _____

No. Ahli: _____ No. K/P : _____

No. Telefon: (Pejabat) _____ (Rumah) _____ (Bimbit) _____

E-mel : _____

*Nama Bank: _____ *No akaun: _____

* Tuan/Puan adalah diminta menghantar bersama salinan buku akaun simpanan atau penyata akaun semasa sebagai pengesahan akaun pemegang unit.

3. Permohonan Pertukaran

Alamat Surat-menyurat : _____

Poskod : _____ Bandar/Negeri : _____

Pekerjaan : _____

PENGESAHAN PEMEGANG UNIT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa butir-butir yang telah diberikan adalah benar. Saya membenarkan pihak ASNB mengemaskini semua butiran tersebut bagi semua unit amanah saya yang telah berdaftar dengan pihak ASNB.

Tandatangan Pemohon/Tandatangan

Penjaga Berdaftar

Tarikh

Sila hantarkan ke pejabat ASNB yang berhampiran atau ke:

JABATAN PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN EJEN
UG, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
Tel: 03 - 2057 3000 / 03 - 2057 3111 Faks: 03 - 2050 5220
E-mel: asnbcare@pnb.com.my

UNTUK KEGUNAAN ASNB SAHAJA

Diterima Olah :

Nama :

Tarikh :

Disahkan Oleh :

Nama :

Tarikh :

MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad (47457-V)
Anak syarikat milik penuh:
Permodalan Nasional Berhad (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03-2050 5500

LEMBAGA PENGARAH

Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid (Pengerusi)
Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman
Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin
Tan Sri Dato' Md. Desa bin Pachi
Tan Sri Ainum binti Mohamed Saaid
Dato' Idris bin Kechot

PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman

PENGARAH EKSEKUTIF

Dato' Idris bin Kechot

SETIAUSAHA SYARIKAT

Puan Adibah Khairiah binti Ismail @ Daud
(MIA 13755)

PEGAWAI KANAN PEMATUHAN

Encik Paisol bin Ahmad

PNB

Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

ASNB

Amanah Saham Nasional Berhad

(47457-V)

Anak syarikat milik penuh PNB

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

JURUAUDIT

Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamad

BANK

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad

PEGUAMBELA & PEGUAMCARA

Tetuan Zain & Co.
Tetuan Zainal Abidin & Co.
Tetuan Marzuki Spawi & Co. (Sabah)
Tetuan Hamzah & Ong Advocates (Sarawak)

EJEN

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad
RHB Bank Berhad
Pos Malaysia Berhad